

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
(GELANG PATAH)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklumat terperinci atas kegunaan dan perbelanjaan kutipan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dari bulan Januari 2017 ke Jun 2017.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan termasuk hasil kutipan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan.

Dana daripada Kumpulan Wang Disatukan sebahagian besarnya akan digunakan untuk membiayai keseluruhan Perbelanjaan Mengurus termasuk emolumen, hutang, subsidi, penyelenggaraan aset Kerajaan

dan pembelian ubat-ubatan.

Manakala lebihan dana daripada Kumpulan Wang Disatukan (sekiranya ada) akan digunakan juga untuk menampung sebahagian daripada Perbelanjaan Pembangunan seperti pembinaan hospital, sekolah, jalan raya dan penyediaan bekalan air bersih di setiap negeri. Semua perbelanjaan tersebut dapat memberi manfaat dan faedah kepada rakyat di seluruh negara.

100
SOALAN (135)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]**

SOALAN :

YB TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terperinci tahun 2014, 2015 dan 2016 berkenaan bilangan orang dan kadar belia yang menganggur mengikut kelulusan akademik (lulusan ijazah, diploma, sekolah menengah dan sekolah rendah) dan nyatakan sebab-sebab kadar pengangguran belia pemegang ijazah mengatasi belia yang tidak mempunyai kelulusan ijazah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluma Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah berjaya mengukuhkan kedudukan ekonomi Malaysia dan menyediakan peluang pekerjaan yang memperlihatkan kadar pengangguran kekal rendah iaitu di bawah 4%. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh pada tahun 2016 adalah 67.7% dan kadar pengangguran berada pada 3.4%, iaitu bersamaan dengan 504,100 orang. Kadar pengangguran ini adalah stabil antara 3.1% hingga 3.7% semenjak tahun 1990an. Justeru, Negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh mengikut definisi oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) iaitu kadar pengangguran adalah kurang daripada 4%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah keseluruhan 504,100 penganggur tersebut, seramai 273,400 orang merupakan golongan belia yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun (definisi belia adalah seperti yang ditakrifkan oleh *International Labour Organization*

(ILO) iaitu penduduk yang berumur 15 hingga 24 tahun). Berdasarkan PTB 2016 juga, jumlah penganggur siswazah yang berumur 15 hingga 24 tahun hanya seramai 61,400 orang manakala bukan siswazah adalah seramai 212,000 orang.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017

RT18/236

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada sektor pendidikan negeri Pulau Pinang dari tahun 2007 hingga 2016, mengikut tahun.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah peruntukan pembangunan (DE), RMKe-11, kos keseluruhan untuk projek pendidikan yang diluluskan bagi Negeri Pulau Pinang ialah RM393.69 juta. Manakala di bawah Tabung Penyelenggaraan Sekolah, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM62.919 juta untuk penyelenggaraan sekolah bantuan modal (SJKT/SJKC/SMJKC/Sekolah Mubarigh) di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008-2017.

Jumlah peruntukan belanja mengurus yang diluluskan bagi negeri Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti berikut:

| Tahun | Peruntukan |
|-------|------------------|
| 2014 | 1,568,014,609.33 |
| 2015 | 1,504,821,215.14 |
| 2016 | 1,602,504,439.36 |

SOALAN (237)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]

SOALAN :-

YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah rumah baru yang dibina di negeri Pulau Pinang dari 2007 hingga 2016 mengikut tahun.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemajuan rumah baru yang diluluskan di **Negeri Pulau Pinang** dari tahun **2007 hingga tahun 2016** adalah sebanyak **116,540** unit rumah kediaman.

**STATUS KELULUSAN UNIT KEDIAMAN DI PULAU PINANG
2007 HINGGA 2016**

| TAHUN | KOS RENDAH | KOS SEDERHANA RENDAH | KOS SEDERHANA | KOS TINGGI | JUMLAH |
|---------------|---------------|----------------------|---------------|---------------|----------------|
| 2007 | 1,258 | 1,165 | 1,459 | 7,706 | 11,588 |
| 2008 | 592 | 540 | 0 | 6,532 | 7,664 |
| 2009 | 1,311 | 1,303 | 930 | 9,889 | 13,433 |
| 2010 | 561 | 1,029 | 195 | 5,917 | 7,702 |
| 2011 | 1,171 | 379 | 0 | 10,497 | 12,047 |
| 2012 | 2,164 | 964 | 0 | 11,655 | 14,783 |
| 2013 | 1,277 | 661 | 0 | 14,748 | 16,686 |
| 2014 | 839 | 253 | 451 | 7,010 | 8,553 |
| 2015 | 885 | 905 | 478 | 11,316 | 13,584 |
| 2016 | 185 | 248 | 566 | 9,501 | 10,500 |
| JUMLAH | 10,243 | 7,447 | 4,079 | 94,771 | 116,540 |

SOALAN (238)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]

SOALAN :-

YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah rumah baru yang dibina di Malaysia dari 2007 hingga 2016 mengikut tahun.

Jawapan :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara hanya mengawal aktiviti pemajuan perumahan yang dijalankan di Semenanjung Malaysia melalui penguatkuasaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) & Peraturan-peraturan di bawahnya. Bagi Negeri Sarawak penguatkuasaan adalah di bawah Ordinan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 2013, manakala di Negeri Sabah penguatkuasaan adalah di bawah Enakmen Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan Pemaju-Pemaju Perumahan) 1978

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi Semenanjung Malaysia, **jumlah unit kediaman baharu yang diluluskan** untuk pembinaan dari tahun **2007 hingga tahun 2016** adalah sebanyak **1,416,946 unit kediaman.**

**BILANGAN UNIT KEDIAMAN BAHARU YANG DILULUSKAN MENGIKUT TAHUN
2007 - 2016**

| TAHUN | KOS RENDAH | KOS SEDERHANA RENDAH | KOS SEDERHANA | KOS TINGGI | JUMLAH |
|---------------|------------|----------------------|---------------|------------|------------------|
| 2007 | 9,360 | 7,424 | 15,803 | 82,680 | 115,267 |
| 2008 | 5,843 | 1,949 | 11,058 | 74,934 | 93,784 |
| 2009 | 4,530 | 2,748 | 9,600 | 80,838 | 97,716 |
| 2010 | 6,079 | 2,717 | 5,615 | 106,390 | 120,801 |
| 2011 | 4,887 | 2,142 | 5,141 | 147,472 | 159,642 |
| 2012 | 7,116 | 1,507 | 12,330 | 214,296 | 235,249 |
| 2013 | 3,900 | 1,680 | 5,832 | 166,156 | 177,568 |
| 2014 | 4,147 | 1,173 | 2,909 | 153,778 | 162,007 |
| 2015 | 1,353 | 2,168 | 3,890 | 130,868 | 138,279 |
| 2016 | 1,332 | 509 | 1,942 | 112,850 | 116,633 |
| JUMLAH | | | | | 1,416,946 |

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017